

Mengenal bayi anda sejurus kelahiran

Disertakan oleh Miey Ahmad
Isnin, 23 Jun 2008
Terakhir dikemaskini Isnin, 23 Jun 2008

Saat getir yang dilalui semasa kelahiran hilang sejurus bayi anda lahir. Saat indah ini sudah tentu ingin dikongsi bersama orang tersayang anda. Namun banyak yang perlu anda tahu tentang bayi anda. Selain doktor, anda juga perlu tahu tentang ciri-ciri fizikal umum bagi bayi baru lahir anda:

1. Bahagian kepala:

- Bentuk kepala bayi anda mungkin berbentuk agak ganjil (tidak bersimetri) disebabkan oleh tekanan semasa proses kelahiran. Bentuk kepala akan kembali normal selepas beberapa minggu.
- Bahagian kepala bayi juga mempunyai fontanel iaitu bahagian ubun-ubun kepala atau tompok lembut ditengah-tengah kepala. Keadaan ini disebabkan oleh tulang tengkorak yang masih belum bersambung dan pada kebiasaannya ia akan sempurna terbentuk menjelang usia 18 bulan.

2. Bahagian mata:

- Warna mata bayi biasanya berwarna biru. Jika warna mata putih bayi kekuningan menunjukkan hatinya yang belum berfungsi sepenuhnya. Ia berlaku pada usia 2-3 hari. Namun ada juga penyakit kuning yang serius.
- Kelopak mata bayi akan kelihatan membengkak.

3. Bahagian kaki dan tangan:

- Biasanya terdapat kesan kebiruan atau berbintik pada bahagian tangan dan kaki. Ini kerana peredaran darah bayi yang baru lahir belum berkembang sepenuhnya. Selain itu berlaku juga pengelupasan kulit.

4. Bahagian buah dada:

- Buah dada akan kelihatan agak besar atau membengkak. Ianya adalah normal bagi kedua-dua jantina.

5. Bahagian kulit:

- Biasanya kulit bayi baru lahir berbintik biru atau kelabu terutamanya pada punggung dan anggota badan. Selain itu ada juga yang menganggap sebagai tanda lahir. Ia mengambil masa untuk hilang.
- Bulu roma halus akan kelihatan agak ketara dan akan hilang selepas beberapa minggu.

6. Bahagian kemaluan:

- Bagi bayi perempuan yang baru lahir vulvanya akan kelihatan bengkak dengan warna kemerah-merahan. Kemungkinan juga terdapat lelehan jernih dari faraj. Manakala bagi bayi lelaki pula skrotumnya juga kelihatan membengkak dan kemerah-merahan.

7. Warna Najis:

- Najis bayi selepas 24 jam akan menghasilkan mekonium, bahan melekit dan berwarna hitam kehijauan. Ia akan berubah warna selepas bayi mulai makan.

8. Bahagian kuku:

- Lazimnya kuku bayi baru lahir agak panjang. Jadi bayi baru lahir perlu dipakaikan sarung tangan bagi mengelakkan ia mencalarkan kulitnya.